



PENKALAN CHEPA, 13 Jun - Ustaz Khairuddin Aman Razali yang mewakili seluruh perwakilan, Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat merakamkan ucapan syukur dan terima kasih di atas kerjasama semua yang menjayakan Muktamar Tahunan ke-56 kali ini.

Beliau menyatakan bahawa pelaksanaan muktamar termasuk sebagai salah satu kaedah perjuangan iaitu istisharah (perbincangan). Ini seterusnya perlu disokong dan dimurnikan lagi dengan istikharah dan firasatul mu'min (firasat orang-orang yang beriman) bagi membantu PAS meneruskan perjuangannya menegakkan Islam untuk semua.

Selain itu, muktamar juga dilihat sebagai perhimpunan yang bermatlamat untuk menjadikan Islam sebagai pemerintah dan bukannya yang diperintah. Maka ini memerlukan PAS dan rakan-rakan Pakatan Rakyat yang lain untuk sentiasa komited melaksanakan undang-undang Islam di negara-negara yang dikuasai oleh kerajaan Pakatan Rakyat.

Pendekatan kerjasama politik yang diambil PAS mempunyai jaminan yang kukuh kerana PAS berpegang teguh dengan syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui selagi ianya tidak bertentangan dengan syariat Islam.

PAS juga perlu sentiasa bersyukur kerana diberi kekuasaan mentadbir di negeri Kelantan dan Kedah, kerajaan campuran di Selangor serta membantu kerajaan di Pulau Pinang.

Justeru, pelaksanaan pemerintahan Islam dalam kerajaan milik PAS perlu dikekalkan dan sentiasa diperbaiki di samping berdoa agar Allah memberi kerajaan milik UMNO Barisan Nasional kepada PAS dan Pakatan Rakyat menerusi kemenangan dalam Pilihanraya Umum ke-13 nanti.

"Semua ahli perlu sedar peranan di peringkat masing-masing. Seterusnya bergerak kerja dengan akhlak Islam sebenar di samping mengelakkan sikap saling menyalahkan dan memperkecilkan mana-mana pihak,

"Sama-sama kita bergerak kerja berdasarkan agihan tugas masing-masing agar kekuatan gabungjalin yang wujud antara pimpinan dengan ahli ini dapat berjaya menguatkan saf perjuangan kita", seru beliau di akhir ucapannya.